

20 JAN 2002

Indera-Cuepacs

CUEPACS LIHAT RAKYAT TOLAK POLITIK AGRESIF DI INDERA KAYANGAN

KUALA LUMPUR, 20 Jan (Bernama) -- Kemenangan calon Barisan Nasional (BN), Ooi Ah Lan dalam pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Perlis kawasan Indera Kayangan semalam membuktikan bahawa rakyat menolak sebarang politik agresif seperti yang diamalkan oleh pembangkang.

"Rakyat juga ingin melihat Malaysia terus kekal sebagai sebuah negara aman dan damai," kata Presiden Cuepacs Datuk N. Siva Subramaniam.

Pada pilihan raya itu Ooi, 58, memperolehi 4,279 undi untuk menumpaskan calon Parti Keadilan Nasional (Keadilan), Khoo Yang Chong dengan majoriti sebanyak 2,592 undi.

Siva Subramaniam memberitahu Bernama kemenangan Ooi membuktikan bahawa perpaduan kaum di negara ini amat kukuh dan rakyat ingin melihat pembangunan di kawasan mereka diteruskan.

"Justeru itu, BN akan tetap menjadi pilihan rakyat," katanya.

Cuepacs telah mengutus ucapan tahniah kerana kemenangan itu kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan juga Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim.

Kongres Indian Muslim Malaysia (Kimma) pula berkata kemenangan Ooi itu membuktikan bahawa BN telah banyak membawa kejayaan dan kemakmuran kepada semua rakyat.

"Kami amat bangga dan mengucapkan tahniah kepada Datuk Seri Shahidan Kassim sebab beliau tidak mempedulikan tohmahan-tohmahan yang dilemparkan oleh parti pembangkang," kata timbalan setiausaha agung Kimma, Amir Amsaa Alla Pitchay.

-- BERNAMA

FA AFY MAI